



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**25 MEI 2015**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA BERHUBUNG PENANGGUHAN PROSIDING SYARIKAT 1MALAYSIA DEVELOPMENT BHD (1MDB) MEMBABITKAN PENJELASAN DARIPADA PENGURUSAN SYARIKAT 1MDB**

KUALA LUMPUR, 25 Mei 2015 (Isnin) – Pada 22 Mei 2015, Hari Jumaat, Sekretariat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia menerima surat maklumat daripada Kementerian Kewangan (MoF) bahawa prosiding syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 26 Mei 2015, hari Selasa ini, terpaksa ditangguhkan.

Ia berikutan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Encik Arul Kanda Kandasamy dan Mantan CEO, Datuk Shahrul Ibrahim Halmi tidak dapat hadir di hadapan jawatankuasa ini atas alasan mempunyai urusan di luar negara pada hari berkenaan.

Jawatankuasa PAC sudah mengadakan perbincangan mengenai perkara ini sebentar tadi mengambil maklum dan bersetuju dengan penangguhan berkenaan atas perkara ini:

- a) Prosiding membabitkan pengurusan 1MDB ini memerlukan CEO 1MDB ketika ini hadir iaitu Encik Arul Kanda Kandasamy hadir bersama dengan Mantan CEO 1MDB daripada tahun 2009 – 2013 iaitu Datuk Shahrul Ibrahim Halmi.
- b) PAC memberikan tempoh masa kepada pengurusan 1MDB khususnya Encik Arul Kanda untuk bersedia dengan semua maklumat serta dokumen sebelum hadir di hadapan jawatankuasa ini.
- c) PAC mahu prosiding ini berjalan dengan teratur serta mempunyai kredibiliti selain tidak dipersoalkan sekiranya penjelasan serta maklumat yang diberikan tidak atau kurang lengkap.

Penangguhan ini tidak bermakna bahawa prosiding ini akan dilewatkan dan saya minta kedua-dua CEO ini supaya tampil kembali di hadapan jawatankuasa ini secepat mungkin.

Sehubungan itu, selaku Pengerusi PAC Parlimen Malaysia, saya akan menghantar semula surat panggilan secara rasmi kepada MoF selaku Pegawai Pengawal terhadap syarikat 1MDB bagi hadir semula di hadapan jawatankuasa ini.

PAC Parlimen Malaysia akan memberikan tempoh masa secukupnya kepada pengurusan 1MDB untuk bersedia hadir di hadapan jawatankuasa ini.

Pada masa sama, PAC Parlimen Malaysia mahu rakyat terutama sekali pengamal media sosial supaya menghentikan segala spekulasi dan tohmahan terhadap kredibiliti jawatankuasa ini.

Perlu diingatkan PAC Parlimen Malaysia adalah sebuah jawatankuasa bipartisan mengandungi lapan Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional dan lima daripada pembangkang (Pakatan Rakyat) yang ditubuhkan di bawah Parlimen Malaysia sebagai cabang legislatif dalam pengasingan kuasa Sistem Demokrasi Raja Berpelembagaan.

Selain itu, PAC Parlimen Malaysia juga tidak mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman dan segala syor serta cadangan yang dirumuskan dalam setiap prosiding PAC Parlimen Malaysia termasuk syarikat 1MDB ini akan dibentangkan di Dewan Rakyat.

Sehubungan itu, terpulang kepada cabang eksekutif iaitu Kerajaan untuk mengambil tindakan dan iktibar daripada Laporan PAC yang dibentangkan dengan menjalankan siasatan lebih terperinci termasuk mengambil tindakan undang-undang melalui agensi penguatkuasa.

Saya memberi jaminan semua prosiding yang dijalankan PAC Parlimen Malaysia termasuk membabitkan syarikat 1MDB ini adalah telus, berintegriti, berakauntabiliti serta berkredibiliti tanpa ada campur tangan daripada mana-mana pihak.

Perkara paling utama bagi PAC Parlimen Malaysia adalah melindungi kepentingan serta hak rakyat demi Negara Malaysia tercinta.